

**PAS gesa Zahid jangan bertindak seperti ejen Perkasa**  
**Malaysian Insider**  
**Feb 10, 2014**  
**OLEH MUZLIZA MUSTAFA**

Ketua Penerangan PAS, Datuk Mahfuz Omar menggesa Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi agar mengeluarkan kenyataan yang sepadan dengan kedudukannya sebagai menteri dalam negeri dan tidak bertindak seperti ejen kepada Pertubuhan Pribumi Perkasa Kebangsaan (Perkasa) dalam kontroversi tawaran ganjaran kepada sesiapa yang dapat menampar Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok.

Ahli Parlimen Pokok Sena itu mengulas kenyataan Ahmad Zahid sebelum ini yang mengatakan "ganjaran tampar Teresa Kok bukan satu ancaman" dan "tidak memerlukan siasatan pihak berkuasa".

"Saya minta menteri dalam negeri bercakap sebagai seorang menteri bukan bercakap seperti ejen Perkasa yang memperjuang isu orang Melayu dan perkauman," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat PAS, di Kuala Lumpur hari ini.

Khamis lalu badan yang digelar Majlis NGO Islam, menyembelih dua ekor ayam dan menawarkan ganjaran RM500 kepada sesiapa yang berani menampar Kok sebagai tanda kemarahan terhadap pemimpin pembangkang itu yang dikatakan menghina kepimpinan Melayu dan Islam.

Fokus badan tersebut adalah Kok dan klip video Tahun Baru Cinanya, bertajuk 'Onederful Malaysia CNY 2014'.

Bagaimanapun selepas dihubungi The Malaysian Insider pada sebelah malam, ganjaran tersebut dinaikkan sebanyak RM1,200 kepada sesiapa yang berani menampar Kok. - 10 Februari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-gesa-zahid-jangan-bertindak-seperti-ejen-perkasa>